



Bil :9/21- (1)

1 Sep 21

KENYATAAN AKHBAR

PENEMUAN JASAD ANGGOTA TENTERA HILANG DI SUNGAI PAHANG SEMASA MENJALANI LATIHAN MENYEBERANGI SUNGAI

Sel Perhubungan Raya Markas Tentera Darat Malaysia telah mengeluarkan kenyataan seperti berikut:-

Tentera Darat Malaysia (TDM) mengesahkan penemuan jasad anggota TDM daripada 10 Briged Para (10 Bgd Para), iaitu Allahyarham Lans Koperal Mohamad Azrin bin Mohamad Isa yang merupakan anggota Tinjau dari pasukan Kompeni PANDURA (Para) yang dipercayai lemas dan hilang ketika menjalani latihan penyusupan menyeberangi Sungai Pahang bagi Eksesais PARA PREDATOR Siri 1/2021 di Kawasan Am, Bera, Pahang.

Semasa kejadian, anggota sedang melaksanakan Fasa Latihan Taktikal Menyeberangi Sungai di sekitar kawasan Kampung Batu Bor. Kejadian berlaku pada 29 Ogos 2021 jam 4.40 petang.

TDM menerima maklumat penemuan Jasad Allahyarham Lans Koperal Mohamad Azrin bin Mohamad Isa pada 1 September 2021 jam 8.15 pagi, di mana jasad beliau telah ditemui oleh penduduk kampung di kawasan Kampung Serengkam, Maran, Pahang, kira-kira 70 kilometer dari lokasi kejadian.

TDM merakamkan penghargaan terima kasih kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Zon 2 Pahang, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), para penduduk kampung serta mana-mana agensi yang telah membantu secara langsung dan tidak langsung dalam melaksanakan Operasi Mencari dan Menyelamat yang bermula pada 29 Ogos 21 jam 4.50 petang yang lalu.

TDM turut menzahirkan ucapan takziah buat isteri Allahyarham Lans Koperal Mohamad Azrin bin Mohamad Isa iaitu Puan Nor Aqila Syafiqa binti Safuan serta seluruh ahli keluarganya. TDM akan menghulurkan bantuan sewajarnya dari segala aspek dalam memastikan kebajikan keluarga tersebut.

Perkembangan berkenaan pengurusan jenazah Allahyarham akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

TDM turut berharap agar masyarakat tidak menyebarkan gambar-gambar penemuan jasad Allahyarham Lans Koperal Mohamad Azrin bin Mohamad Isa bagi menjaga perasaan waris mangsa yang terlibat.

-TAMAT-

***Dikeluarkan oleh Sel Perhubungan Raya Tentera Darat
Pada 1 September 2021, jam 12.00 tengahari***